



جياتن كحاكيمان شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (39)
Takwim : 3 Sya'ban 1424H
Tarikh : 29 September 2003

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 13 Tahun 2003

**Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau
Di Mahkamah Rayuan Syariah**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan peraturan semakan kes di Mahkamah Tinggi Syariah atau di Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mengikut peraturan seperti berikut:-

1. Permohonan semakan boleh dibuat ke atas kes mal atau jenayah sama ada kes yang dalam prosiding atau yang telah diputuskan ;
2. Permohonan semakan kes oleh pihak-pihak hendaklah dibuat melalui Notis Permohonan bersama dengan Affidavit kecuali permohonan oleh Hakim Syarie ;
3. Pihak-pihak yang menerima keputusan dan mempunyai hak merayu adalah tidak digalakkan memohon semakan.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA
2003